

20 MAR 2001

MAHATHIR-TADBIR URUS

GUNA IK SBG PETUNJUK TADBIR URUS SATU PENILAIAN MALAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan tindakan yang hanya melihat prestasi Indeks Komposit BSKL sebagai satu-satunya petunjuk bagi tahap tadbir urus korporat di kalangan syarikat Malaysia adalah satu penilaian malas.

Sebaliknya, mereka harus melihat keseluruhan petunjuk dalam ekonomi untuk membuat penilaian seumpama itu, katanya.

Jika indeks saham digunakan untuk mengukur tadbir urus korporat, tentulah Indeks Perindustrian Dow Jones yang jatuh menjunam baru-baru ini mencerminkan syarikat-syarikat AS mempunyai tadbir urus yang tidak begitu baik, katanya selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan dalam perniagaan yang dianjurkan bersama oleh Agensi Anti Rasuah, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna.

Sejak krisis ekonomi, Malaysia telah mengusahakan satu program utama untuk memulakan tadbir urus korporat di kalangan syarikat tersenarai awam yang menekankan kepada ketelusan dan memberi perlindungan lebih besar kepada pemegang saham minoriti.

Dr Mahathir berkata tahap tadbir urus korporat Malaysia adalah lebih baik berbanding negara-negara lain kerana ia lebih terbuka dan diuruskan dengan baik.

"Bagaimanapun, persepsi berbeza, standard juga berbeza. Bagi sesetengah pihak ia belum begitu baik dan mereka terus mengkritik kita," katanya.

Beliau berkata IK turun kepada paras terendahnya 262 mata ketika krisis kewangan dan kemudiannya berjaya meningkat kembali ke paras 800 mata dan dengan semua persepsi ini bagi syarikat-syarikat Malaysia, tidak kelihatan tadbir urus mempengaruhi IK.

Menurutnya, Malaysia berjaya berkembang pada kadar yang pesat melebihi lapan peratus bagi tempoh 10 tahun dan ia adalah syarikat yang sama yang telah menyumbang kepada pertumbuhannya.

IK yang mudah untuk dimanipulasi adalah petunjuk yang tidak sempurna bagi daya tadbir urus dan bukan satu-satunya petunjuk untuk mencerminkan prestasi ekonomi, katanya.

Mahathir berkata kerajaan begitu berhati-hati dalam memantau setiap indeks dalam keseluruhan ekonomi dan membaikpulih sektor-sektor yang tidak mempamerkan prestasi baik.

Sebagai contoh, katanya, apabila angka runcitan tidak begitu baik, kerajaan membuat program bagi jualan besar-besaran dan apabila terdapat lebih bekalan hartanah, perkara yang sama akan dilakukan di mana kempen pemilikan rumah dilancarkan.

Dalam sidang media kemudiannya, Perdana Menteri juga ditanya mengenai pemberhentian pekerja oleh beberapa syarikat elektronik utama dan pembekal senjata.

Berhubung perkara ini, beliau berkata kelembapan ekonomi AS telah memberi impak kepada syarikat-syarikat elektronik kerana produk mereka kebanyakannya dieksport ke AS.

Bagaimanapun, beliau berkata tidak timbul sebarang masalah untuk mendapatkan pekerjaan lain.

Mengenai penutupan SME Technologies Sdn Bhd (SMET), pengeluar kelengkapan pertahanan yang menyaksikan 200 pekerja kehilangan pekerjaan, beliau berkata syarikat itu tidak membuat keuntungan dan mempunyai pasaran yang terhad.

"Dalam perniagaan senjata, mana-mana syarikat yang mengeluarkan senjata perlu memasarkan produk ini ke luar negara. Kita tidak mampu berbuat demikian," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata kemahiran pekerja-pekerja syarikat diperlukan dan berharap pekerja-pekerja boleh diserap ke tempat lain dan kemahiran mereka digunakan dalam bidang lain seperti kejuruteraan. --

BERNAMA

SHO SD ZK